

PRAKTIS 2

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Dalam majlis itu, pelbagai persembahan telah diadakan sempena hari keputeraan baginda yang ke 52 tahun.

2. Mereka kesal akan sikap pihak kontrekter yang tidak dapat menyiapkan projek perumahan tersebut mengikut jadual yang terdapat dalam butir-butir perjanjian.

3. Untuk memastikan komputer sentiasa selamat samada daripada serangan virus atau pencerobohan, beberapa panduan telah disediakan oleh pembekal.

4. "Saya mempunyai kaki tangan yang berpengalaman luas dalam bidang kecantikan termasuk perkhidmatan menggunting rambut," katanya dengan ramah.

5. Dalam perhimpunan raksaksa itu, Perdana Menteri telah menasihati rakyat supaya sentiasa bersatu padu untuk mengekalkan perpaduan yang sudah terjalin sekian lama.

6. Semua ejensi kerajaan diarahkan bergabung untuk membantu mangsa banjir yang melanda negeri-negeri Pantai Timur.

7. Dalam sambutan ulangtahun kemerdekaan kali ke-51 itu, pelbagai acara telah dirancang.

8. Penduduk Kampung Temai sedang bergotong royong untuk memperlebar jalan kerana bilangan kenderaan yang melalui kampung itu semakin bertambah.

9. Sebagai murid yang cemerlang, kita perlu bijak membahagikan masa dengan efisien.

10. Ramai golongan muda tidak berminat menceburi profesyen perguruan kerana dianggap membebankan.

11. Pemandu ambulan tersebut terlibat dalam kemalangan jalan raya di selekoh tajam itu.
